

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

18. Nyatakan usaha-usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri pelancongan di Seberang Perai.
- (a) Apakah program, projek dan aktiviti yang akan dijalankan?

**YB. YEOH SOON HIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Usaha-usaha yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri pelancongan di Seberang Perai adalah seperti berikut:
- (i) Mengenalpasti tempat-tempat baharu yang mempunyai potensi untuk dibangunkan bagi tujuan pelancongan;
 - (ii) Mempertingkatkan infrastruktur serta menyediakan lebih banyak kemudahan mesra pelancong;
 - (iii) Menggiatkan promosi bagi kawasan dan tarikan pelancongan sedia ada melalui pameran pelancongan antarabangsa;
 - (iv) Menggalakkan dan meningkatkan produk-produk tarikan pelancong yang bertaraf antarabangsa; dan
 - (v) Meningkatkan program dan acara berasaskan pelancongan di Seberang Perai.

(a) Program, projek dan aktiviti yang akan dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) *Seberang Perai International Conference on Ecotourism and Conservation Efforts 2018 (SPICEC 2018)* yang akan diadakan dari 8 hingga 9 Oktober 2018 di The Light Hotel, Seberang Jaya.
- (ii) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) akan membuat dokumentari bagi kawasan-kawasan pelancongan baru dan sedia bagi meluaskan promosi kepada kawasan pelancongan. Dokumentari ini dijangka dapat disiapkan pada bulan November 2018.
- (iii) Bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia untuk memperkukuhkan *homestay* sedia ada dan juga menambah bilangan *homestay* yang terdapat di Seberang Perai.
- (iv) Bekerjasama dengan pihak swasta bagi menganjurkan lebih banyak program di Seberang Perai seperti *9th Mah Yoke Seng Open Traditional Lion Dance Competition* yang akan diadakan pada 18 Ogos 2018 di Juru Auto-City, Pesta Tanglung Seberang Perai 2018 yang akan diadakan pada 16 September 2018 di Bukit Mertajam dan lain-lain lagi.
- (v) Mempromosikan Taman Negeri Bukit Panchor, *homestay* di Sungai Chenaam dan Sungai Duri, jeti kelip-kelip di Nibong Tebal serta Pulau Aman.
- (vi) Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan bersedia bekerjasama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mengadakan program seperti Karnival *Homestay* di Mengkuang Tlti, Karnival Kesenian dan Kebudayaan di Kubang Semang, Pertandingan *Homestay* terbaik dan lain-lain.

- (vii) *Art Market* di Butterworth dicadangkan untuk mempromosikan dan memajukan industri pelancongan di Seberang Perai Utara (SPU) berasaskan kesenian.